



**THE BEST PROJECT
AWARD**

(INFRASTRUCTURE PROJECT - SMALL PROJECT)

**JAMBATAN BATU 6
GERIK, PERAK**

SIDANG REDAKSI

Penasihat:

Ir. Abu Bakar Bin Mohamed Said

Ketua Editor:

Syed Ridzuan Bin Syed Idris

Sidang Editor:

Aniza Binti Adznan

Zatun Najahah Binti Osman

Kamarulzaman Bin Sulaiman

Syed Azwan Bin Syed Omar

Shashaliza Binti Md. Ali

Sharul Khairi Bin Saidin

Mohd Azizi Bin Abdul Rahim

Muhammad Yusrizal Bin Yusof

Faizal Ashraf Bin Ghazali

Jurufoto:

Mohd Hairi Bin Nordin

ISI KANDUNGAN

Bahagian Korporat	5 - 7
Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan	8 - 10
Bahagian Arkitek	11-15
Bahagian Kontrak & Ukur Bahan	16
Bahagian Jalan	17
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu	18
Bahagian Bangunan dan Struktur	19
Penyerahan Projek	20-21

TINTA PENGARAH JKR PERAK

Assalamualaikum w.b.t, Salam 1 Malaysia,
Salam Perak Aman Jaya

Syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurniaan-Nya, Buletin JKR Negeri Perak Edisi Ke 2 ta-hun 2017 telah berjaya diterbitkan.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada sidang redaksi yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buletin ini. Pelbagai kejayaan dan aktiviti telah dirakamkan sepanjang tahun 2017, antaranya JKR Perak telah berjaya merangkul kejayaan, The Best Award (Infrastructure Project – Small Project) Jambatan Batu 6, Gerik Perak sempena The Malaysian Construction Industry Excellence Award anjuran CIDB Malaysia. Selain itu, sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2017, JKR Perak mendapat Naib Johan Pertandingan Kawad, Kategori Badan Kerajaan.

Semoga dengan penerbitan buletin ini dapat memberi maklumat dan manfaat kepada semua pembaca.

Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Jamilol Nasir Bin Saad

Pengarah Kerja Raya

Jabatan Kerja Raya Negeri Perak.

KEJAYAAN

**THE BEST AWARD
(INFRASTRUCTURE PROJECT-
SMALL PROJECT)
JAMBATAN BATU 6, GERIK**



**JOHAN ANUGERAH PROJEK TERBAIK
2017 KATEGORI PASUKAN PENGURUSAN
PEMBANGUNAN PROJEK BANGUNAN
DAN INFRASTRUKTUR SEMPERA HARI
INOVASI JKR MALAYSIA 2017**



KEJAYAAN

**NAIB JOHAN PERTANDINGAN
KAWAD SEMPENA HARI
KEBANGSAAN 2017
PERINGKAT
NEGERI PERAK KATEGORI
JABATAN KERAJAAN**



**NAIB JOHAN PERTANDINGAN
KECERIAAN BANGUNAN
KERAJAAN SEMPENA HARI
KEBANGSAAN 2017 PERINGKAT
NEGERI PERAK**



BAHAGIAN KORPORAT

JELAJAH FTROADPEDIA ZON UTARA

Jelajah FTRoadpedia telah diperluaskan ke Zon Utara iaitu bermula dari Kuala Lumpur - Selangor - Perak - Pulau Pinang. Program tersebut telah bermula pada 29 Julai 2017 ke Perak, dimana pihak JKR Negeri Perak telah menyambut ketibaan Menteri Kerja Raya, Datuk Sri Haji Fadillah Haji Yusof, dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Ketua Pengarah Kerja Raya, Ketua Pegawai Eksekutif CIDB, serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kerja Raya, jabatan dan agensi berkaitan di Sempadan Selangor - Perak (Tanjung Malim). Penyerahan bingkai 'Jelajah FTRoadpedia' telah disampaikan kepada Pengarah Kerja Raya Perak dan Jurutera-jurutera Daerah oleh Menteri Kerja Raya. Perjalanan telah diteruskan ke Kuala Kangsar untuk makan tengahari dan solat zohor di Masjid Ubudiah dan terus ke Daerah Kerian untuk melawat tapak Hospital Parit Buntar. Taklimat ringkas telah disampaikan oleh En. Azman bin Abdul Manaf, Arkitek Penguasa Kanan, Cawangan Kerja Kesihatan. Selesai lawatan ke tapak hospital, rombongan telah dibawa singgah di Sekolah Menengah Kebangsaan Panglima Bukit Gantang Wahab, Parit Buntar untuk meninjau kerja - kerja pembaikan sekolah dimana taklimat telah disampaikan oleh Jurutera Daerah Kerian, En. Razali Bin Mohd Shaili.



MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA PROJEK JAMBATAN MANONG



Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima Projek Jambatan Manong telah diadakan pada 8 Ogos 2017. Cadangan pembinaan jambatan ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada penduduk dan para pelajar sekolah khasnya dari Seberang Manong dan kawasan sekitarnya yang selama ini menggunakan bot tambang menyeberangi Sungai Perak untuk ke Pekan Manong samada untuk ke Pejabat Pos, Klinik, Sekolah, Balai Polis dan sebagainya. Dengan terbinanya jambatan ini, ia dapat menjamin tahap keselamatan kepada penduduk yang selama ini berulang alik menggunakan bot tambang sebagai pengangkutan harian. Kedudukan tapak projek ini adalah lebih kurang 25 kilometer dari Bandar Kuala Kangsar. Kerja-kerja pembinaan jambatan ini merangkumi kerja-kerja membina jalan tuju baru menghubungkan terus ke jalan utama melalui jalan PLB sedia ada.

PERASMIAN JALAN KAMPUNG BATU MASJID, BANIR DAERAH BATANG PADANG OLEH

YAB MENTERI BESAR PERAK

Telah berlangsung Majlis Perasmian Jalan Kg. Batu Masjid, Banir, Daerah Batang Padang oleh YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Bin Abd. Kadir, Menteri Besar Perak pada 28 September 2017. Projek pembinaan jalan ini adalah dari jalan utama Laluan 1 (Temoh ke Tapah) melalui jalan Kg. Batu Masjid, Banir bersambung sehingga Jalan Air Kuning. Panjang sebenar jalan baru yang dibina adalah 4km. Selain daripada jalan, projek ini juga mempunyai sebuah jambatan.

Kos asal projek ini adalah sebanyak RM 14,122,899.00, namun setelah pembinaan tamat, kos muktamad yang terlaras adalah sebanyak RM 13,994,789.68. Skop kerja projek ini adalah terdiri daripada tiga komponen kerja-kerja utama iaitu pembinaan jalan baru, penaiktarafan jalan sediaada di laluan 1 dan pembinaan jambatan baru.



MAJLIS PECAH TANAH PROJEK MEMBINA JAMBATAN BAGAN DATUK, DAERAH BAGAN DATUK KE KAMPUNG SEJAGOP DAERAH PERAK TENGAH

OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI



Majlis Pecah Tanah Projek Membina Jambatan Bagan Datuk, Daerah Bagan Datuk Ke Kampung Sejagop Daerah Perak Tengah telah disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada 28 Oktober 2017 di tapak projek. Turut hadir sama, Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir. Jambatan yang menghubungkan Bagan Datuk dan Kampung Sejagop dijangka siap pada Julai 2020. Jambatan memakan belanja sebanyak RM 446.9 Juta sekaligus dapat memendekkan perjalanan dari Daerah Bagan Datuk ke Perak Tengah iaitu dari 50km kepada 10km.



BAHAGIAN KORPORAT

KETIDAKPATUHAN SIFAR (0 NCR) AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2008 JKR PERAK

OLEH SIRIM QAS 2017 INTERNATIONAL SDN. BHD

Tahniah diucapkan kepada semua warga kerja JKR Perak yang telah terlibat dalam memperoleh Ketidakpatuhan Sifar (0 NCR) dan beberapa penambahbaikan semasa Audit Pemantauan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) JKR MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd yang telah dilaksanakan pada 4 hingga 6 Disember 2017. JKR Perak telah berjaya buat kali kelapan (8) dalam mengekalkan pencapaian ketidakpatuhan sifar bagi Audit SPK JKR MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM. Pencapaian tersebut telah berjaya dikekalkan semenjak tahun 2011 hingga 2016 yang melibatkan sebanyak dua (2) kali Audit

Persijilan Semula dan enam (6) kali Audit Pemantauan. Audit kali ini melibatkan beberapa bahagian dan daerah antaranya Bahagian Pengurusan Korporat, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan dan Cawangan Kejuruteraan Elektrik. Manakala daerah yang terlibat ialah JKR Daerah Hilir Perak, JKR Daerah Hulu Perak dan JKR Daerah Perak Tengah.

JKR Perak yang dipersijilkan telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) berdasarkan prosedur yang dibangunkan serta memenuhi secara asasnya keperluan standard MS ISO 9001:2008.



MAJLIS GOTONG ROYONG KORBAN PERDANA

Majlis Gotong Royong Korban Perdana JKR Perak 2017 telah diadakan pada 4 September 2017 bersamaan 13 Zulhijjah 1438 Hijrah di Perkarangan Parkir Kereta Ibu pejabat JKR Perak Darul Ridzuan. Aktiviti gotong royong sempena menunaikan ibadah korban telah diadakan dengan menumbangkan sebanyak lima ekor lembu. Majlis selesai sekitar jam 12.30 tengahari dengan agihan daging-daging korban yang disempurnakan oleh Pengarah JKR Perak, Dato' Haji Jamilol Nasir bin Saad.



LATIHAN KECEMASAN KEBAKARAN JKR NEGERI PERAK



Latihan Kecemasan Kebakaran (Fire Drill) Bil.2017 di bangunan Ibu Pejabat JKR Negeri Perak telah diadakan pada 20 November 2017 bersamaan 1 Rabiulawal 1439 Hijrah. Latihan tersebut melibatkan seluruh kakitangan JKR Ibu Pejabat. Latihan telah diadakan pada jam 9.50 pagi dan seluruh warga JKR termasuk pelawat telah berkumpul di Perkarangan Dataran. Kelancaran pergerakan dan kecekapan

para petugas disamping alat penggera api yang terdapat di bangunan Ibu Pejabat JKR Perak berfungsi dengan baik telah mendapat pujian daripada Encik Abdul Rahman bin Abdullah Pegawai dari Balai Bomba Ipoh yang juga telah berjaya tiba di Ibu Pejabat JKR Negeri Perak kurang dari 7 minit sebaik menerima panggilan laporan kebakaran.

**BAHAGIAN
PENTADBIRAN & KEWANGAN**

HARI INOVASI DAN MAJLIS PENGHARGAAN PESARA JKR NEGERI PERAK

Bertemakan 'Inovasi Nadi Kesiagaan Transformasi', Hari Inovasi & Majlis Penghargaan Pesara JKR Perak 2017 telah diadakan pada 16 November 2017 bertempat di Dataran JKR Perak. Majlis tersebut telah di rasmikan oleh YB Dato' Haji Zainol Fadzi Bin Haji Paharudin, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air. Pada majlis tersebut, YB Dato Zainol Fadzi Bin Haji Paharudin turut menyampaikan anugerah kepada

pemenang pertandingan-pertandingan sempena Hari Inovasi Inovasi JKR Negeri Perak Tahun 2017. Johan Keseluruhan Pertandingan Inovasi JKR Perak 2017 telah dimenangi JKR Daerah Perak Tengah. Selain itu majlis turut meraikan kakitangan yang bersara pada tahun ini seramai 59 pesara wajib dan 20 pesara pilihan bagi anggota JKR Negeri dan seramai 15 pesara wajib dan 5 pesara pilihan bagi anggota JKR Persekutuan.

Berikut pemenang Anugerah Inovasi mengikut kategori:

Bil.	Kategori Anugerah Inovasi	Tempat
1.	Pengurusan Kewangan	Pertama : JKR Daerah Perak Tengah Kedua: JKR Daerah Kuala Kangsar Ketiga: JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal
2.	Pengurusan Projek Jalan Terbaik	Pertama: JKR Daerah Hilir Perak Kedua: JKR Daerah Kerian Ketiga: JKR Daerah Kuala Kangsar
3.	Pengurusan Projek Bangunan Terbaik	Pertama: JKR Daerah Manjung Kedua : JKR Daerah Larut, Matang & Selama Ketiga : JKR Daerah Perak Tengah
4.	Fasiliti Jalan Terbaik	Pertama : JKR Daerah Manjung Kedua : JKR Daerah Kinta Ketiga : JKR Daerah Kuala Kangsar
5.	Pengurusan Kontrak Terbaik	Pertama : JKR Daerah Perak Tengah Kedua: JKR Daerah Larut, Matang & Selama Ketiga: JKR Daerah Kerian
6.	Pengurusan Aset Terbaik	Pertama: JKR Daerah Kuala Kangsar Kedua: JKR Unit TLDM, Lumut Ketiga: JKR Daerah Larut, Matang & Selama
7.	Inovasi JKR Perak	Pertama: Kump. Teras 2 (2013), JKR Daerah Batang Padang Kedua: Kump. KIK, JKR Daerah Hilir Perak Ketiga: Kump. Q-Champ, JKR Daerah Larut, Matang & Selama



MAJLIS PERPISAHAN PENGARAH KERJA RAYA NEGERI PERAK



Pada tarikh 30 November 2017 bersamaan 11 Rabiulawal 1439 Hijrah telah diadakan Majlis Perpindahan YBhg. Pengarah JKR Perak, Dato' Haji Jamilol Nasir bin Saad yang akan bertugas sebagai Pengarah Seksyen Pengurusan Nilai Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Gred Utama B (Terbuka). Majlis yang diadakan di Ruang Legar Kafeteria Ibu Pejabat JKR Negeri Perak itu berlangsung jam 11.45 pagi dan tamat pada jam 1.30 petang. Turut diraikan di majlis tersebut adalah Sr. Hamidi bin Naimudin yang

bertukar dari Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan JKR Negeri Perak ke Pasukan Projek Wilayah Pantai Timur (ECER), Ar. Abdul Shukor bin Ismail yang bertukar dari Bahagian Arkitek JKR Negeri Perak ke Jabatan Perdana Menteri (KADER) Unit Perancang Ekonomi, Putrajaya dan Encik Mohd Nazri bin Ali yang bertukar dari Bahagian Jalan JKR Negeri Perak ke Cawangan Jalan Jabatan Kerja Raya Malaysia. Majlis ditamatkan dengan jamuan makan tengah hari.

BAHAGIAN ARKITEK

Jamuan Aidilfitri

Arkitek 2017



Satu majlis sambutan Aidilfitri telah diadakan pada 21 Julai 2017, bertempat di Bilik Gerakan ibu pejabat JKR Negeri Perak. Majlis dimeriahkan dengan kehadiran ahli keluarga kakitangan Bahagian Arkitek, sesuai dengan tema jamuan hari raya pada tahun ini yang berkonsepkan 'Hari Keluarga'. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Pegarah serta Timbalan Pengarah Kerja Raya bersama isteri masing-masing.



BAHAGIAN ARKITEK

Lawatan ke ISTANA ALAM SHAH

Lawatan ke Istana Alam Shah di Klang, Selangor pada 26 September 2017. Penerangan telah diberikan oleh pihak Istana di sepanjang tempoh lawatan berlangsung. Rombongan juga berpeluang untuk melawat Muzium Diraja dan Galeri Kereta serta Galeri Bola Sepak Selangor. Terima Kasih kepada pihak Istana Alam Shah kerana sudi menerima kunjungan dari Bahagian Arkitek JKR Negeri Perak.



BAHAGIAN ARKITEK

Lawatan ke ISTANA ISKANDARIAH

Satu Lawatan teknikal ke Istana Iskandariah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar pada 6 Julai 2017. Objektif lawatan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan secara langsung kepada pegawai serta kakitangan Bahagian Arkitek dalam penambahbaikan hasil kerja dari segi teknikal dan unsur-unsur senibina istana disamping dapat memberi peluang untuk lebih mengenali adat istiadat dan peraturan dalam istana. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pihak Istana Iskandariah di atas kesudian menerima kunjungan Bahagian Arkitek JKR Negeri Perak.



Projek Kerja-Kerja Konservasi ISTANA SRI MENANTI



Bahagian Arkitek JKR Perak telah mengadakan satu lawatan ke Istana Sri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 27 September 2017. Objektif lawatan teknikal ini adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada keseragaman bagi kerja-kerja konservasi dan penyelesaian masalah yang timbul serta mempraktikkan kaedah baikpulih yang digunapakai bagi projek ini.



BAHAGIAN ARKITEK

Lawatan Tapak MAHKAMAH TAPAH



Lawatan teknikal ke projek membina dan menyiapkan Mahkamah Tapah. Lawatan pada 20 September 2017. Objektif lawatan bertujuan untuk memberi pendedahan dari segi teknikal bagi kerja-kerja senibina. Konsep dan rekabentuk disediakan oleh Unit Senibina, Ibu Pejabat JKR Kuala Lumpur.



GOTONG ROYONG PELAKSANAAN EKSA

Jabatan Kerja Raya Perak telah terpilih untuk melaksanakan pendekatan 'Do-It-Yourself' bagi program Indeks Penarafan Bintang (SSR-DIY) 2017-2018, JKR Malaysia. Salah satu elemen penting indeks penarafan ini adalah pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Bagi mencapai Objektif dan Misi EKSA itu, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan (BKUB) telah mengadakan gotong royong berkala yang melibatkan semua kakitangan BKUB.



KURSUS GARIS PANDUAN PEROLEHAN SEBUTHARGA



Kursus garis panduan perolehan sebutharga kerja yang dianjurkan Bahagian Kontrak & Ukur Bahan (BKUB) telah diadakan pada 24 Ogos 2017 bertempat di Bilik Gerakan Tan Sri Mahfuz Tingkat 3, JKR Perak. Kursus terbahagi kepada dua sesi dimana penceramah jemputan, Encik Samian Bin Johari dari CKUB Ibu Pejabat, JKR Malaysia memberi ceramah mengenai Perolehan Kerja Sebutharga Mengikut Surat Arahan KPKR Bil 22/2016 pada sebelah pagi. Manakala pada sebelah petang, Puan Dahlianna Binti Daud dari CKUB Ibu Pejabat, JKR Malaysia memberi ceramah mengenai Pakej Penilaian Sebutharga Kerja. Objektif bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan, membuka ruang soalan serta perbincangan mengenai isu-isu dalam penyediaan sebutharga dan penilaian sebutharga. Kursus disertai oleh Kakitangan Teknikal BKUB serta wakil-wakil dari JKR Daerah, Cawangan Kejuruteraan Elektrik dan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal.



BAHAGIAN JALAN

PROJEK SIAP BAGI KERAJAAN NEGERI PERAK



MEMBINA JALAN PINTAS DARI JALAN PERUSAHAAN 1 KE LALUAN

KOS : RM 3, 854, 891.40
TARIKH MULA TAPAK : 7 OGOS 2015
TARIKH SIAP SEMASA : 19 MEI 2017



MENINGGIKAN ARAS JALAN DI LOKASI BANJIR KILAT BERHADAPAN STESEN MINYAK PETRONAS GUNUNG LANG, JALAN KUALA KANGSAR

KOS : RM 870,000.00
TARIKH MULA TAPAK : 7 OGOS 2017
TARIKH SIAP SEMASA : 30 OKTOBER 2017



KERJA PEMBAIKAN CERUN RUNTUH DI JALAN PERSEKUTUAN SEMENANJUNG MALAYSIA AKIBAT BENCANA BANJIR 2014

LALUAN FT004, SEK.135.5, SEK.169.1, SEK.175.4 DAN SEK.197, JALAN GERIK-JELI, HULU PERAK, PERAK DARUL RIDZUAN

KONTRAKTOR : MANIK GLOBAL SDN.BHD
TARIKH MULA TAPAK : 28 JULAI 2016
TARIKH SIAP SEMASA : 17 NOVEMBER 2017



KURSUS DAFTAR ASET KHUSUS (DAK) PERINGKAT KOMPONEN BAGI ASET TAK ALIH

(BANGUNAN PERSEKUTUAN) JKR NEGERI PERAK

Objektif kursus adalah bertujuan untuk memberi latihan secara praktikal kepada peserta bagaimana kaedah mendaftarkan komponen Aset Tak Alih daripada taklimat teori yang telah diberikan. .Pemeriksaan di tapak juga dilaksanakan iaitu di Kuarters JKR Jalan Temoh bagi memberi pengalaman sebenar terhadap kerja pemeriksaan bangunan kerajaan.



BENKEL PENARAFAN ASET TAK ALIH DI SKTLDM PARIT, PERAK DARUL RIDZUAN

Objektif bengkel ini adalah bertujuan untuk memberi latihan secara praktikal kepada peserta bagaimana kaedah pemeriksaan & penilaian keadaan bangunan sedia oleh En Azlan Bin Abdul Aziz. Pemeriksaan di tapak juga dilaksanakan iaitu di SKTLDM, Parit bagi memberi pengalaman sebenar terhadap kerja pemeriksaan bangunan Kerajaan.



PROGRAM PENILAIAN PEMATUHAN PROJEK PERINTIS UNIT PENGURUSAN FASILITI NEGERI (UPFN) BERSAMA BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN ASET, IBU PEJABAT JKR MALAYSIA



**BAHAGIAN BANGUNAN &
STRUKTUR**

KURSUS REKABENTUK STRUKTUR BANGUNAN MENGGUNAKAN PERISIAN STAAD PRO



TARIKH : 18 - 19 MAY 2017

TEMPAT : BILIK STUDIO IT, TINGKAT 7, JKR PERAK

PENCERAMAH : EN SAIFUL AZZUAN BIN AZNAM (JURUTERA
DAERAH BATANG PADANG)



**BAHAGIAN KEJURUTERAAN
MEKANIKAL**

KURSUS PEMASANGAN JAMBATAN PANEL KELULI

TARIKH : 10 JULAI 2017

TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA, CAWANGAN
KEJURUTERAAN MEKANIKAL, JKR PERAK



KURSUS PENYELENGGARAAN MEKANIKAL DALAM BANGUNAN



TARIKH : 10 JULAI 2017

TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA, CAWANGAN
KEJURUTERAAN MEKANIKAL, JKR PERAK

PENYERAHAN PROJEK

**MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH MADRASAH BARU PERUMAHAN AWAM ,
JALAN PADANG TEMBAK TELUK INTAN**



KONTRAKTOR : GNM CONSTRUCTION & ENGINEERING
TARIKH SIAP : 29 OGOS 2017
TARIKH PENYERAHAN : 8 SEPTEMBER 2017
KOS : RM 921,829.00

**MEMBINA BARU MASJID FADZLULLAH KG. TELUK KEPAYANG, BOTA, DAERAH PERAK TENGAH,
PERAK DARUL RIDZUAN**



PELANGGAN : UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN, ICU
KONTRAKTOR : PRO ZAS CONSTRUCTION
TARIKH SIAP : 25 APRIL 2017
TARIKH PENYERAHAN : 16 OKTOBER 2017
KOS : RM 2,158,688.67

PENYERAHAN PROJEK

CADANGAN PEMBINAAN SEMULA GIAT MARA BAGAN DATOH, PERAK



PELANGGAN : KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
KONTRAKTOR : LSB CONSTRUCTION SDN.BHD
TARIKH SIAP : 5 DISEMBER 2017
TARIKH PENYERAHAN : 15 DISEMBER 2017
KOS : RM 7,700,765.54



JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK

BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH, PERAK, MALAYSIA

Tel: 605-2534041 Faksimili: 605-2415328 Toll Free: 1-800-88-3377

Email : webmasterperak@jkr.gov.my

www.jkrperak.gov.my